

Headline	Kerajaan tanggung RM130 juta subsidi haji		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Jun 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	13	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	90 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 806
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,419



## Kerajaan tanggung RM130 juta subsidi haji

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan dijangka menanggung keseluruhan subsidi haji melebihi RM130 juta bagi 22,320 jemaah haji tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, kos itu adalah tanggungan yang perlu dikeluarkan kerajaan bagi mengekalkan kos bayaran RM9,980 bagi setiap jemaah.

"Tabung Haji masih mampu mengekalkan bayaran jemaah haji RM9,980, walaupun jumlah kos haji sebenar adalah RM16,155 untuk seorang.

"Tahun ini, kuota haji negara masih dikurangkan oleh kerajaan Arab Saudi sebanyak 20 peratus iaitu 22,320 kerana kerja-kerja pembangunan di Masjidil Haram yang masih belum selesai," katanya di Majlis Sahabat Korporat Tabung Haji 2014 di bangunan Tabung Haji, di sini semalam.

Sementara itu, Jamil dalam ucapannya menyatakan bahawa Tabung Haji turut menerima sumbangan sahabat korporat sebanyak RM10 juta daripada 41 agensi.

"Program ini harus diberikan pujian kerana satu cabang tanggungjawab korporat (CSR) yang menghimpunkan syarikat-syarikat korporat dan swasta di Malaysia," katanya.

Menurutnya, sumbangan melibatkan badan-badan korporat itu sekurang-kurangnya dapat memberikan keselesaan kepada jemaah sepanjang tempoh ibadah tersebut.

"Ia juga bantu menyeragamkan identiti yang membezakan jemaah haji kita dengan jemaah negara lain," katanya.